

29 AUG 1999

#### 14 KERETA PROTON BERLEPAS UNTUK CATAT REKOD PERLUMBAAN LASAK

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 14 kereta Proton Perdana dan Satria berlepas hari ini untuk mencatat rekod perlumbaan tanpa henti selama 42 jam.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Tengku Alauddin Abdul Majid melepaskan perlumbaan itu, di sini, pagi pagi. Perlumbaan itu diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-42, Selasa ini.

Acara itu dianjurkan oleh Proton, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Empat belas buah kereta itu memberi makna 14 negeri di Malaysia, manakala perlumbaan ini akan membawa peserta ke semua negeri di Semenanjung menggunakan lebuh raya.

Pada setiap pusat yang disediakan, kesemua 24 peserta akan menyerahkan bendera "Jalur Gemilang" dan poster "Malaysia Boleh" kepada orang ramai.

Mereka akan menamatkan perlumbaan tepat jam 12.03 pagi 31 Ogos, dihadapan 70,000 penonton di Stadium Nasional di Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil.

Mereka dijadual menyerahkan "Jalur Gemilang" kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Usaha ini, jika berjaya, akan dimasukkan ke dalam Buku Rekod Malaysia.

-- BERNAMA

SJA zb